
PEKELILING BENDAHARI BIL. 1/2021

Rujukan : UNIMAS/BEND/01-02/03 Jld 2 (27)

Kepada : Dekan/Timbangan Dekan/Pengarah/Ketua Unit/Ketua Penolong
Pendaftar/Penolong Pendaftar

Daripada : Bendahari

Tarikh : 5 Januari 2021

Perkara : **PINDAAN KADAR PENYEDIAAN MAKANAN DAN MINUMAN MESYUARAT/KURSUS/BENGGEL DALAMAN SERTA KELAYAKAN TIKET PENERBANGAN UNTUK PERJALANAN DI DALAM NEGERI (DOMESTIK) BAGI UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pindaan kadar penyediaan makanan dan minuman mesyuarat/kursus/bengkel dalaman serta kelayakan tiket penerbangan untuk perjalanan di dalam negeri bagi Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Bendahari Bil. 3/2020.

1. Latar Belakang

Pekeliling Bendahari Bil. 3/2020 yang berkuatkuasa mulai 1 Julai 2020 telah menggariskan panduan dalam melaksanakan beberapa langkah bagi mengoptimumkan perbelanjaan Universiti. Ianya selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PB 3.1/2019 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan bagi memastikan perkembangan ekonomi terus kukuh dengan kedudukan fiskal yang mampan dengan mengambil langkah yang proaktif dan instruktif oleh semua pihak.

Berdasarkan keadaan kewangan semasa serta terdapat penjimatan, pelarasan semula dibuat ke atas kadar kemudahan yang berkaitan bagi menyokong program dan aktiviti Universiti.

2. Perlaksanaan

2.1 Kadar Penyediaan Makanan dan Minuman Mesyuarat/Kursus/Bengkel Dalaman

- a. Bagi tujuan penyelarasan dan mengambilkira dasar semasa Kerajaan, kadar maksimum penyediaan makanan dan minuman bagi mesyuarat/kursus/bengkel dalaman Universiti hendaklah tidak melebihi daripada pindaan kadar yang ditetapkan seperti berikut :

	Kadar Sedia Ada (Pekeliling Bendahari Bil.3/2020)	Pindaan Kadar
Minum Pagi	RM3.00	RM5.00
Makan Tengahari	RM7.00	RM10.00
Minum Petang	RM3.00	RM3.00

2.2 Kelayakan Tiket Penerbangan dan Bertugas Rasmi

- a. Kelayakan kelas tempat duduk untuk perjalanan di dalam negeri dipinda semula kepada kelayakan asal seperti berikut :

Gred Jawatan	Kadar Sedia Ada (Pekeliling Bendahari Bil.3/2020)	Kelayakan Asal (Pekeliling Perbendaharaan WP 2.5)
53 dan ke atas	Ekonomi	Perniagaan
52 dan ke bawah	Ekonomi	Ekonomi

- b. Bilangan pegawai yang dibenarkan untuk menghadiri mesyuarat/program di luar kawasan hendaklah dihadkan;
- c. Ketua PTj digalakkan untuk mengarahkan pegawai menggunakan kemudahan syarikat penerbangan tambang murah dan tempahan tiket tambang murah dalam talian yang memberikan lebih penjimatan kepada Universiti;
- d. Dalam melaksanakan konsep '*Let Managers Manage*', PTj dibenarkan untuk menentukan sendiri penggunaan syarikat penerbangan (MAS, Air Asia, Malindo atau mana-mana agensi pelancongan yang dibenarkan bagi perjalanan di dalam dalam negeri untuk urusan rasmi.

Tarikh Kuatkuasa

Pekeliling ini hendaklah dipanjangkan kepada semua staf Pusat Tanggungjawab di bawah seliaan masing-masing agar pematuhan serta hebahan pekeling ini dapat diikuti sepenuhnya. Dengan itu perkara **3.3 dan 3.4(a)** di dalam Pekeliling Bendahari Bil.3/2020 iaitu Panduan Mengoptimumkan Perbelanjaan Universiti adalah **DIBATALKAN**.

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **4 Januari 2021**.

Sekian, harap maklum.



Hj Mazlan Kiflie

- s.k - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Pendaftar
 - Ketua Audit Dalam

